

Malaysia bangkitkan isu pertikaian di Laut China Selatan

Putrajaya: Isu pertikaian Laut China Selatan antara perkara yang dibangkitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengadakan pertemuan dengan Presiden China, Xi Jinping sempena lawatan rasminya ke negara berkenaan, minggu lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau membangkitkan isu terbabit kerana syarikat minyak dan gas negara, PETRONAS memiliki pelantar cari gali terbesar yang beroperasi di kawasan berkenaan.

“Malah, dalam beberapa isu lain agak sensitif seperti Laut China Selatan, dengan Presiden China saya bangkitkan kerana PETRONAS ada pelantar terbesar yang pernah disediakan di negara kita dan meneruskan projek cari gali di situ.

“(Hal) ini bercanggah kerana di kawasan itu ada tuntutan yang sama dari China dan saya beritahu bahawa sebagai negara kecil yang memerlukan sumber, maka minyak dan gas, kita terpaksa teruskan tetapi kalau syaratnya harus ada rundingan, maka kita sedia berunding,” katanya pada Perhimpunan Bulanan bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Anwar berkata, beliau turut menyentuh isu Myanmar dan pelarian Rohingya walaupun mengetahui China mengamalkan dasar tidak campur tangan.

Jelasnya, Malaysia juga tidak berhasrat untuk campur tangan, namun kini terdapat lebih 200,000 pelarian etnik Rohingya di negara ini.

“China rapat dengan Myanmar tetapi dasar mereka tidak campur tangan, saya katakan kita pun tidak bermaksud campur tangan urusan sistem dia, kita perkenalkan sistem kita,” katanya.